

Headline	Arul bimbang LHM makin suram		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	13 Jan 2019	Language	Malay
Circulation	62,927	Readership	188,781
Section	Sukan	Page No	52
ArticleSize	181 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 18,645		



Arul bimbang LHM makin suram

Kuala Terengganu: Pengendali Kelab Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Arul Selvaraj menjangkakan Liga Hoki Malaysia (TNB-LHM 2019) yang kini semakin suram penyertaan boleh ‘tutup kedai’ suatu hari nanti andai tiada suntikan elemen baharu yang menggantik minat penyertaan lebih banyak pasukan.

Malah beliau turut meramalkan mungkin liga utama negara itu akan turut hilang seri atau ‘sekadar ada’ jika tiada perancangan rapi dilakukan Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) bagi merancangkan lagi kemeriahinan liga kompetitif itu.

Bekas jurulatih skuad kebangsaan negara itu tanpa berselindung juga bimbang negara akan kekurangan pemain berkualiti suatu hari nanti untuk diserapkan dalam skuad kebangsaan jika MHC terus ‘tidur’.

Tujuh pasukan bertanding

“Pada pandangan saya MHC perlu buat perubahan drastik, daripada mata kasar saya liga kita sekarang semakin menuju kemelesetan pemain yang berkualiti, ini mungkin disebabkan hanya tujuh pasukan saja yang bertanding dalam MHL.

“Selain itu jangka masa bermain dalam liga kita tidak mencukupi iaitu hanya lebih kurang tiga bulan saja selepas itu ke mana pemain ini pergi selain pemain kebangsaan? Bermain waktu petang saja tidak cukup kerana pemain perlu beraksasi dalam liga yang kompetitif seperti dalam liga di Eropah.

“Jika tidak ada perubahan segera daripada MHC atau persatuan hoki, saya rasa kita bawa jurulatih terbaik dunia sekalipun dengan belanja berjut-juta ringgit, pasukan hoki kita tidak akan ke mana bahkan tidak mustahil liga hoki kita akan ‘tutup kedai’ jika MHC tidak ada perancangan terbaik mengembangkan bakat dalam saingan kompetitif hoki.

Tempoh pertandingan singkat

“Justeru saya cadangkan tempoh liga kita perlu dipanjangkan seperti di Eropah selama lapan bulan dan perlu perbanyakkan liga hoki yang kompetitif dan pada saya penganjuran Piala Razak sudah tidak relevan,” kata Arul selepas tamat perlawanan Piala Sumbangsih di Stadium Hoki Batu Buruk, petang semalam.

Arul berkata sebelum ini beliau pernah menyuarakan cadangan kepada MHC berhubung perkara itu tetapi dipandang sepi.

“Saya harap selepas tamat liga nanti, MHC dan persatuan negeri serta kelab duduk semeja untuk berbincang mengenai masa depan hoki negara,” katanya.

Oleh Malik Muhamad